

1 APRIL 2026

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan AUDIT MSPO PENSIJILAN SEMULA 1 ASA 1 ke atas FGV LAWIN TENGAH & TAWAI 01

FGV LAWIN TENGAH & TAWAI 01 telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan Audit Pensijilan Semula 1 ASA 1 Malaysian Sustainable Palm Oil di unit pengurusannya. Audit Pensijilan Semula 1 ASA 1 MSPO ini akan dilaksanakan ke atas **1 ladang kelapa sawit** yang diuruskan oleh **FGV LAWIN TENGAH & TAWAI 01**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melaksanakan audit pensijilan bagi **FGV LAWIN TENGAH & TAWAI 01** pada **27-28.04.2026**. Audit pensijilan ini akan dilaksanakan mengikut MS 2530:2022 : Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) - Part 3-2: General principles for oil palm plantations (more than 500 hectares). Salinan Standard MS 2530:2022 - 3.2 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui : <https://mysol.jsm.gov.my>.

Penilaian akan merangkumi isu-isu undang- undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Nama Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Luas Kawasan (ha)
Ladang Lawin Tengah	FGVPMSB Ladang Lawin Tengah, 33300 Gerik, Perak	N 5.326339 E 101.039074	312.15
Ladang Tawai 01	FGVPMSB Ladang Tawai 01, Mukim Gerik 33300 Gerik, Perak	N 5.343628 E 101.037795	721.99

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>

Pasukan audit dari TRANS yang akan melaksanakan audit pensijilan di **FGV Lawin Tengah & Tawai 01** terdiri daripada:

- i) Encik Azmi b Adnan sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Kesihatan dan Keselamatan Pekerja dan Sosial & Amalan Baik)
- ii) Encik Asnawi Nazran b Mohd Zaili sebagai Juruaudit Juruaudit (Aspek Kebolehjajakan, Aspek Undang-Undang & Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) Encik Mohamad Nadzmi b Mohamad Sakarno sebagai Juruaudit (Aspek Kebolehjajakan, Aspek Undang-Undang & Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Nama Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Tarikh & Masa
Ladang Lawin Tengah	FGVPMSB Ladang Lawin Tengah, 33300 Gerik, Perak	N 5.326339 E 101.039074	27 April 2026 10:00 am
Ladang Tawai 01	FGVPMSB Ladang Tawai 01, Mukim Gerik 33300 Gerik, Perak	N 5.343628 E 101.037795	28 April 2026 10:00 am

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami dengan mengembalikan borang maklum balas yang dilampirkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat ini dikeluarkan. Jika perlu, pasukan audit akan mengatitkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT". Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber adalah dengan persetujuan dari pihak tuan/puan.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



NURUL BASYIRAH BT BAHRUM

Penyelaras Skim MSPO

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd

BORANG MAKLUM BALAS

Kepada :

Penyalaras Skim MSPO

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.

No. B30, Tingkat 1,

Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,

25200 Kuantan Pahang

Tel: +609-5751333.

Email: info@transcert.com.my

MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO DI :

Saya ingin mengesahkan bahawa :

Tidak mempunyai sebarang isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan.

Mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan:

Isu berkaitan permatuhan Undang-Undang :

Huraian: _____

Isu berkaitan aspek sosial :

Huraian: _____

Isu berkaitan alam sekitar :

Huraian: _____

Isu berkaitan keselamatan dan kesihatan :

Huraian: _____

Lain-lain :

Huraian: _____

Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan Trans dengan pihak berikut untuk lebih lanjut:

Nama :

Jawatan :

No. Telefon :

Alamat e-mel :

Terima Kasih,

Yang Benar,

.....

Nama :

Alamat :

No Tel :